

BAB 8 : JENIS DAN KEMAJUAN PENGANGKUTAN DI ASIA

Jenis Pengangkutan Darat

- Pengangkutan darat yang utama di Asia lebih tertumpu kepada **pengangkutan kereta api**
- Kereta api dapat **mengangkut penumpang, barangan pukal dan kosnya lebih murah** berbanding pengangkutan darat yang lain
- Negara-negara seperti Jepun, China dan Korea Selatan pula kini memiliki **kereta api yang efisien, laju dan berteknologi tinggi.**
- Antara landasan dan rangkaian utama di Asia ialah
 - a) Landasan Kereta Api India (66,687 km)
 - b) Landasan Kereta Api Trans Siberian (9,288 km)
 - c) Landasan Kereta Api Shinkansen
 - d) Kereta Api Berkelajuan Tinggi di Korea Selatan
 - e) Landasan berkelajuan Tinggi di Beijing - Shanghai

Pengangkutan Udara di Asia Tenggara

- Pengangkutan udara juga penting di Asia kerana Asia adalah **benua yang luas** serta mempunyai jumlah penduduk yang ramai
- Pengangkutan udara menjadi pilihan kerana perkhidmatannya **lebih cepat** berbanding dengan pengangkutan yang lain
- Antara lapangan terbang utama di Asia ialah
 - a) Lapangan terbang Domodedovo, Rusia
 - b) Lapangan terbang Dubai, Emiriah Arab Bersatu
 - c) Lapangan terbang Kuala Lumpur, Malaysia
 - d) Lapangan terbang Tokyo, Jepun
 - e) Lapangan terbang Changi, Singapura
 - f) Lapangan terbang Hong Kong, China
 - g) Lapangan terbang Chengdu, China

Pengangkutan Air

- Pengangkutan air lebih merujuk kepada aktiviti perdagangan antarabangsa
- Pelabuhan biasanya terdapat di kawasan pinggir pantai yang strategik yang menjadi laluan perdagangan antarabangsa
- Pengangkutan air penting untuk mengangkut barang pukal (kontena) dan kosnya juga lebih murah
- Antara pelabuhan utama di Asia ialah
 - a) Pelabuhan Jawaharlal, India
 - b) Pelabuhan Tokyo
 - c) Pelabuhan Hong Kong
 - d) Pelabuhan Singapura

Kemajuan pengangkutan di asia

a) Jaringan Landasan Kereta Api Di Jepun

- Laluan kereta api ini merupakan pengangkutan darat yang paling canggih
- Laluan ini menghubungkan 4 pulau utama di Jepun dan melalui beberapa bandar metropolitan seperti Osaka, Kyoto, Nagoya dan Tokyo
- Perkhidmatan ini telah meningkatkan mobiliti penduduk terutama yang bekerja di bandar-bandar besar tersebut
- Ia juga menjadi pilihan penduduk kerana perkhimatannya yang selesa, cepat dan selamat

b) Lapangan Terbang Antarabangsa Dubai

- Dubai merupakan sebuah metropolis yang menarik minat para pelancong kerana bersifat moden dan mempunyai banyak kawasan tarikan
- Lapangan di Dubai juga telah dikatakan sebagai lapangan terbang paling sibuk di dunia
- Lapangan terbang ini boleh menampung penumpang sehingga kapasiti 90 juta orang setahun
- Pembinaan lapangan terbang ini juga telah merancakkan ekonomi dan membuka peluang pekerjaan kepada penduduknya

c) Pelabuhan Hong Kong

- Pelabuhan ini telah lama wujud dan menjadi maju kerana kedudukannya yang strategik
- terletak di kawasan yang terlindung
- Berada di laluan perdagangan antarabangsa
- Pelabuhan ini juga merupakan pemangkin kepada kemajuan Hong Kong dan pintu masuk perdagangan ke China yang mempunyai pasaran ekonomi yang luas
- Reputasi pelabuhan ini juga sangat baik kerana berupaya mengendalikan operasi dalam tempoh masa yang singkat

Kesan perkembangan pengangkutan kepada sosial

- Memendekkan masa perjalanan dengan kemudahan/ teknologi pengangkutan yang lebih moden
- Membuka peluang pekerjaan kepada penduduk
- Meningkatkan integrasi antara penduduk
- Meningkatkan darjah ketersampaian
- Mengurangkan kesesakan lalu lintas
- Meningkatkan keselamatan/ kemalangan

Kesan perkembangan pengangkutan kepada ekonomi

- Mengembangkan fungsi bandar
- Menggalakkan sektor ekonomi yang lain seperti pelancongan dan pembinaan
- Meningkatkan aktiviti ekonomi perniagaan, perdagangan domestik dan antarabangsa
- Menggalakkan tukaran wang asing
- Membantu peluaskan pasaran barangan

Kesan perkembangan pengangkutan kepada alam sekitar

Kesan Positif

- Penggunaan kereta api elektrik membantu mengurangkan kebergantungan kepada sumber bahan fosil
- Ia juga tidak mencemarkan alam
- Membantu mengurangkan masalah alam sekitar kawasan setempat

Kesan negatif

- Pencemaran bunyi
- Pencemaran air
- Pencemaran udara
- Kemusnahan hutan